

D.R. 13/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
2. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—Pindaan am. Akta 452.
(a) dengan menggantikan perkataan "Pengurus Besar" di mana-mana juga terdapat dalamnya

dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif"; dan

- (b) dengan memotong perkataan "Timbalan Pengurus Besar" di mana-mana juga terdapat dalamnya.

Pmdaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas takrif "hari ditetapkan", takrif yang berikut:

' "ketua pegawai eksekutif" ertiannya seseorang yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif di bawah seksyen 30 Akta';.

Pmdaan
seksyen 26A.

4. Perenggan 26A(2)(c) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan proviso berikut:

" Dengan syarat Menteri boleh mengubah apa-apa had yang dikenakan ke atas jumlah amaun pinjaman syarikat diluluskan dalam perenggan ini;".

Pmdaan
seksyen 26B.

5. Subseksyen 26B(3) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan "dan"; dan
- (b) dengan memotong perenggan (d).

Seksyen baru
26c.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 26B, seksyen yang berikut:

"Kuasa Lembaga untuk menubuhkan perbadanan atau syarikat. 26c. (1) Lembaga boleh, dalam melaksanakan kuasa pelaburan di bawah Akta ini, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan khas Menteri—

- (a) menubuhskan sesuatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang

- Akta 125.*
- (b) menubuhkan sesuatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dengan apa-apa nama yang difikirkan sesuai oleh Lembaga; atau
 - (c) mengambil alih apa-apa syarikat, untuk menjalankan, mentadbirkannya, melakukan dan menguruskan apa-apa projek, usahasama, program penswastaan, skim, perusahaan atau apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga.
- (2) Peruntukan Jadual Ketujuh hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan (1)(a) dan Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai bagi sesuatu syarikat yang ditubuhkan atau diambil alih di bawah perenggan (1)(b) atau (c), masing-masingnya."
- Akta 125.*

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas Bahagian III, Bahagian yang berikut: Bahagian baru IIIA.

"

BAHAGIAN IIIA

PELABURAN OLEH AHLI KUMPULAN WANG

Pelaburan
oleh ahli
Kumpulan
Wang.

29A. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dengan Akta ini, Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, memberarkan sesuatu permohonan bagi pelaburan, yang dibuat oleh seseorang ahli Kumpulan Wang, sebahagian apa-apa amaun yang ada pada kredit ahli Kumpulan Wang itu dalam institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh Menteri, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya sesuai.

(2) Jika Lembaga' telah memberarkan pemindahan suatu jumlah wang yang ada pada kredit ahli itu di bawah subseksyen (1), jumlah

wang itu tidaklah boleh dibayar dividen sebagaimana yang diisyiharkan oleh Lembaga di bawah seksyen 27.".

Pindaan
seksyen 30. **8. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

" (1) Menteri hendaklah melantik seseorang yang layak dan sesuai, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukannya, sebagai ketua pegawai eksekutif, yang boleh diberikan apa-apa nama jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga."; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen berikut:

" (3) Lembaga hendaklah melantik seberapa orang pegawai atau pengkhidmat lain, sebagaimana yang difikirkan perlu bagi penjalanan cekap urusan Lembaga, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, yang boleh diberikan apa-apa jua nama jawatan sebagaimana yang ditentukannya.".

Pindaan
seksyen 31. **9. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dengan memotong subseksyen (1), (1A) dan (1B);

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

" (2) Tertakluk kepada subseksyen (4), pihak berkuasa tatatertib Lembaga berkenaan dengan pegawai dan pengkhidmat Lembaga hendaklah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada lima orang ahli Lembaga yang akan dilantik oleh Lembaga, yang salah seorang daripada mereka hendaklah dilantik sebagai pengurus Jawatankuasa.";

- (c) dalam subseksyen (2A), dengan menggantikan perkataan "Pengerusi" dengan perkataan "pengerusi"; dan
- (d) dalam subseksyen (3) dan (4), dengan memotong perkataan "yang berkenaan".

10. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 33.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

" (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Lembaga berkenaan dengan pegawai dan pengkhidmat Lembaga selain daripada ketua pegawai eksekutif, yang hendaklah terdiri daripada lima orang ahli Lembaga yang akan dilantik oleh Lembaga, yang salah seorang daripada mereka hendaklah dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa."; dan

- (b) dalam subseksyen (1A) dan (1B), dengan menggantikan perkataan "Pengerusi" dengan perkataan "pengerusi".

11. Proviso kepada subseksyen 45(3) Akta ibu adalah dipinda dengan mengantikannya dengan proviso yang berikut:

Pindaan
seksyen 45.

" Dengan syarat bahawa jika kadar dividen bagi sesuatu tahun tertentu belum lagi diisyiharkan oleh Lembaga, kadar dividen terakhir yang diisyiharkan hendaklah terpakai bagi maksud pengiraan dividen bagi tahun itu.".

12. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 50.

- (a) dalam perenggan (2) (b), dengan memasukkan selepas perkataan "dividen" perkataan "apa-apa amaun yang ada pada kredit ahli itu";
- (b) dalam perenggan (2) (c), dengan menggantikan noktah bertindih dengan noktah;

- (c) dengan memotong proviso kepada subseksyen (2); dan
- (d) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan
seksyen 54.

13. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah subseksyen 1(b)" dengan perkataan "atau 1(d)"; dan
 - (b) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:
- " (6) Bagi maksud subseksyen (5), tarikh pengeluaran hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 54B.".

Seksyen baru
54A dan 54B.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 54, seksyen yang berikut:

"Pem-
bayaran
dividen
mengikut
apa-apa
cara
sebagai-
mana yang
ditentukan
oleh
Lembaga.

54A. Jika apa-apa amaun dikeluarkan daripada Kumpulan Wang di bawah seksyen 54, 55 atau yang dibayar daripada Kumpulan Wang di bawah seksyen 56, Lembaga hendaklah membayar dividen, ke atas amaun yang dikeluarkan, dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Tarikh pe-
ngeluaran.

54B. Bagi maksud pengeluaran di bawah Akta ini, tarikh pengeluaran hendaklah—

- (a) jika pembayaran dibuat dengan waran, pada tarikh waran bagi pengeluaran itu dikeluarkan; dan
- (b) jika pembayaran dibuat dengan cara selain daripada waran, pada tarikh amaun bagi pengeluaran itu didebitkan daripada akaun ahli Kumpulan Wang itu.".

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas Seksyen baru 59A.

"Perintah Mahkamah 59A. Jika seseorang yang didapati bersalah bagi kesalahan di bawah subseksyen 59(b), mahkamah yang di hadapannya seseorang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa perisyntiharan, penyata, sijil atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah di bawahnya untuk diberikan atau dikemukakan.".

16. Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 71.

- (a) dengan menomborkan semula perenggan "(h)" sebagai "(k)";
- (b) dengan menomborkan semula perenggan "(f)" sebagai "(l)"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas perenggan (g), perenggan yang berikut:
 - "(h) untuk menetapkan fee yang hendaklah dibayar kepada Lembaga berkenaan dengan pelaburan yang dibuat di bawah Bahagian IIIA dan caj bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini;
 - (i) untuk menetapkan fee untuk dikenakan ke atas institusi pengurusan dana di bawah Bahagian IIIA;
 - (j) untuk menetapkan apa-apa yang berhubungan dengan pelaburan di bawah Bahagian IIIA termasuklah perkara berkenaan dengan perlantikan, pengurusan, pentadbiran, tugas, terma dan syarat institusi pengurusan dana;".

17. Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 73.

- (a) dalam subperenggan (m)(iv), dengan memotong perkataan "dan" selepas noktah bertindih;

- (b) dengan menomborkan semula perenggan "(n)" sebagai "(o)"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas perenggan (m), perenggan yang berikut:
 - "(n) untuk menetapkan apa-apa yang berhubungan dengan pelaburan di bawah Bahagian IIIA termasuklah prosedur bagi pelaburan; dan".

Pindaan
Jadual
Pertama.

Akta 283.

18. Jadual Pertama Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (5), dengan memasukkan selepas perkataan "hospital mental," perkataan "pusat pemulihan yang mempunyai erti yang sama dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;"; dan
- (b) dalam perenggan (6), (7) dan (8), dengan memotong perkataan
 - (i) "dan Republik Singapura"; dan
 - (ii) "atau Republik Singapura",

di mana-mana juga terdapat dalamnya.

Pindaan
Jadual
Kelima.

19. Jadual Kelima Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perenggan (3), perenggan yang berikut:

" (4) Bagi maksud Jadual ini, kredit seseorang ahli pada masa kematian tidaklah termasuk amaun yang dilaburkan di bawah Bahagian IIIA.".

Pindaan
Jadual
Keenam.

20. Jadual Keenam Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perenggan (3), perenggan yang berikut:

" (4) Bagi maksud Jadual ini, kredit seseorang ahli pada masa ketakupayaan tidaklah termasuk amaun yang dilaburkan di bawah Bahagian IIIA.".

- 21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas Jadual Keenam, Jadual yang berikut:

Jadual baru
Ketujuh.

JADUAL KETUJUH

(Seksyen 26c)

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI KEPADA PERBADANAN YANG DITUBUHKAN OLEH LEMBAGA

- 1.** *Tugas Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan.*

Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh yang baginya sesuatu perbadanan ditubuhkan, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan yang menakrifkan—

- (a) maksud dan matlamat yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, tugas dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan di antara perbadanan dan Lembaga dan hak kawalan ke atas perbadanan itu.

- 2.** *Skop perbadanan.*

Tiada apa-apa di bawah Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagai membentarkan Lembaga untuk menubuhkan sesuatu perbadanan bagi apa-apa maksud atau matlamat yang skopnya adalah lebih ekstensif daripada maksud atau matlamat yang baginya Lembaga telah ditubuhkan atau sebagai memberi kepada sesuatu perbadanan apa-apa hak, tugas, kuasa, atau fungsi yang bukannya hak, tugas, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

- 3.** *Kesan mengikat kepada peraturan-peraturan.*

Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 71, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat ke atas perbadanan itu yang baginya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kesan bagi semua maksud di bawah Akta ini.

- 4.** *Daftar perbadanan.*

Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam borang yang ditetapkan bagi semua perbadanan dan daftar itu bersama-sama

dengan salinan semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah terbuka kepada pemeriksaan awam di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

5. *Penggulungan.*

- (1) Lembaga boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengarahkan bahawa sesuatu perbadanan digulungkan dan dibubarkan.
- (2) Setelah pembubaran sesuatu perbadanan di bawah perenggan jni, aset perbadanan, selepas pembayaran semua liabiliti, hendaklah dipindahkan kepada dan diletakhkan pada Lembaga.

6. *Sifat di sisi undang-undang sesuatu perbadanan.*

Setiap perbadanan hendaklah menjadi sebuah pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang Lembaga akan berikan kepada perbadanan itu dan hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu, dan bagi maksud untuk memberikan kesan kepada maksud dan matlamat yang baginya ia ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan memegang dan berurus dalam atau dengan apa-apa harta alih atau tak alih dan melakukan semua perkara lain dan hal bersampingan atau bersangkutan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak bertentangan dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau had sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

7. *Meterai biasa perbadanan.*

- (1) Setiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa, yang hendaklah mempunyai rekabentuk sebagaimana perbadanan boleh, dengan kelulusan Lembaga, meluluskan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukarkan, diubah dan dibuat baru oleh perbadanan itu, dengan kelulusan Lembaga.
- (2) Sehingga suatu meterai disediakan oleh perbadanan itu di bawah perenggan ini, meterai biasa Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh digunakan sebagai meterai biasa perbadanan itu.
- (3) Meterai biasa hendaklah disimpan dalam jagaan, dan hendaklah disahkan oleh, mana-mana orang sebagaimana yang diarahkan oleh perbadanan itu.
- (4) Semua suratikatan, dokumen dan lain-lain suratcara bagi maksud untuk dimeterai dengan meterai biasa perbadanan

itu dan disahkan oleh orang yang dalam jagaannya menterai biasa itu disimpan hendaklah, sehingga yang berlawanan dapat dibuktikan, disifatkan sebagai disempurnakan dengan sah".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kumpulan Simpanan Pekerja 1991 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Akta.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta dengan menggantikan perkataan "Pengurus Besar" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif". Ia juga bertujuan memotong perkataan "Timbalan Pengurus Besar".
4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta bagi memperuntukkan suatu definisi bagi perkataan "ketua pegawai eksekutif".
5. *Fasal 4* bertujuan meminda perenggan 26A(2)(c) untuk memberikuasa k pada Menteri untuk mengubah apa-apa had yang dikenakan ke atas jumlah amaun pinjaman syarikat diluluskan di bawah perenggan itu.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 26B(3) dengan memotong perenggan (d). Dengan pindaan ini, bon yang mempunyai tempoh matang tidak kurang daripada dua tahun tidak akan lagi dianggap sebagai sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan.
7. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 26c untuk memberikuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan sesuatu perbadanan atau sesuatu syarikat dengan kelulusan khas Menteri.
8. *Fasal 7* bertujuan memasukkan Bahagian baru IIIA bagi membolehkan ahli Kumpulan Wang melaburkan amaun yang ada pada kreditnya dalam institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh Menteri.
9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 30 untuk memberikan fleksibiliti kepada Lembaga untuk menentukan nama jawatan bagi ketua pegawai eksekutif dan untuk membolehkan Lembaga melantik seberapa orang pegawai atau pengkhidmat lain sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga.

10. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 31 untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.
11. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 33 untuk menubuhkan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat berkenaan dengan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.
12. *Fasal 11* bertujuan meminda proviso kepada subseksyen 45(3) untuk memperuntukkan bahawa kadar dividen terakhir yang diisyiharkan hendaklah terpakai bagi maskud pengiraan dividen bagi tahun itu jika kadar dividen masih belum diisyiharkan.
13. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 50 untuk menjelaskan bahawa dividen hendaklah hanya dibayar ke atas apa-apa amaun yang ada pada kredit seseorang ahli dan untuk memotong proviso kepada subseksyen (2) dan subseksyen (5).
14. *Fasal 13* bertujuan meminda subseksyen 54(2) untuk menghadkan bilangan pilihan oleh seseorang ahli yang telah membuat pengeluaran penuh untuk mencarum semula dan untuk memakai peruntukan seksyen 54B dalam menentukan tarikh pengeluaran pembayaran.
15. *Fasal 14* bertujuan memasukkan dua seksyen baru 54A dan 54B. Seksyen 54A bertujuan memperuntukkan bahawa pembayaran dividen hendaklah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa. Seksyen 54B bertujuan menjelaskan penentuan tarikh pengeluaran bagi pembayaran yang dibuat melalui waran atau pembayaran yang dibuat dengan cara selain daripada melalui waran.
16. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen baru 59A untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah hendaklah memerintahkan mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah subseksyen 59(6) untuk mengemukakan apa-apa perakuan atau dokumen yang dikehendaki oleh Akta untuk diberikan atau dikemukakan.
17. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 71 untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi menetapkan fee atau caj yang hendaklah dibayar kepada Lembaga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga dan untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan pelaburan di bawah Bahagian IIIA.
18. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 73 untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan pelaburan di bawah Bahagian IIIA.

19. *Fasal 18* bertujuan meminda perenggan (5) Jadual Pertama untuk tidak memasukkan mana-mana orang yang ditahan di pusat pemulihan dadah daripada takrif pekerja di bawah Akta dan, untuk meminda perenggan (6), (7) dan (8) Jadual Pertama oleh kerana rujukan kepada Republik Singapura adalah tidak lagi diperlukan.

20. *Fasal 19* bertujuan meminda Jadual Kelima untuk memeruntukkan bahawa amaun yang dilaburkan di bawah Bahagian IIIA baru Akta tidaklah boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada kredit seseorang ahli bagi maksud pengiraan amaun tambahan atas sebab kematian.

21. *Fasal 20* bertujuan meminda Jadual Keenam untuk memeruntukkan bahawa amaun yang dilaburkan di bawah Bahagian IIIA baru Akta tidaklah boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada kredit seseorang ahli bagi maksud pengiraan amaun tambahan atas sebab ketakupayaan.

22. *Fasal 21* bertujuan memasukkan Jadual baru Ketujuh ke dalam Akta yang menetapkan peruntukan yang hanya terpakai kepada sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1929.]